

TARIKH : 15.02.2019

AKHBAR : BERITA HARIAN

Ekonomi berkembang 4.7 peratus tahun lalu

➔ Pengukuhan aktiviti sektor swasta pacu pertumbuhan

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Alzahrin Alias
bhbiz@bh.com.my

Ekonomi Malaysia, diukur menerusi Kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang 4.7 peratus pada 2018 meskipun berdepan persekitaran ekonomi global dan domestik yang mencabar.

Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus, berkata pertumbuhan kukuh itu terus dipacu pengukuhan aktiviti sektor swasta di tengah-tengah gangguan dalam sektor berkaitan komoditi pada suku kedua dan ketiga tahun lalu dan rasionalisasi perbelanjaan kerajaan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14.

Beliau berkata, pada suku keempat 2018, ekonomi Malaysia berkembang 4.7 peratus dengan pertumbuhan terus dipacu sektor swasta dan sedikit pemulihan daripada gangguan bekalan pada suku sebelumnya.

"Faktor yang mempengaruhi pertumbuhan pada 2018 adalah pengukuhan perbelanjaan sektor swasta, peningkatan eksport bersih dan pengembangan berterusan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan," katanya pada sidang media mengumumkan prestasi ekonomi suku keempat bagi 2018 di Kuala Lumpur, semalam.

Akaun semasa negara
Sementara itu, Nor Shamsiah berkata, akaun semasa negara ini mencatatkan lebih sebanyak RM10.8 bilion pada suku keempat 2018 disokong oleh lebih barangan.

Beliau berkata, melangkah ke hadapan, akaun semasa dijangka kekal dalam lebihan.

Nor Shamsiah berkata, aliran pelaburan langsung asing (FDI) juga mencatatkan kemajuan pada suku keempat 2018 kepada RM12.9 bilion berbanding RM4.3 bilion pada suku ketiga 2018 berikutan aliran meluas terutama dalam sektor perkilangan dan perkhidma-

tan bukan kewangan.

Beliau berkata, ekonomi maju termasuk Belanda, Jepun dan Hong Kong adalah penyumbang terbesar FDI.

Tinjauan ekonomi 2019


Mengulas mengenai tinjauan ekonomi bagi 2019, Nor Shamsiah berkata, ekonomi Malaysia dijangka kekal dalam landasan pertumbuhan kukuh tahun ini dengan permintaan sektor swasta dijangka kekal menjadi pemacu utama pertumbuhan.

Beliau berkata, meskipun berdepan persekitaran global yang mencabar, terdapat faktor positif yang akan menyokong pertumbuhan seperti bermulanya operasi kemudahan pengeluaran baharu seperti Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID), elektrik dan elektronik (E&E) dan pengembangan cawangan runcit.

Katanya, pelaksanaan projek kejuruteraan awam seperti projek Transit Aliran Massa (MRT) dan Perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) akan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tahun ini.

Nor Shamsiah berkata, pihaknya akan mengumumkan jangkaan KDNK bagi 2019 pada bulan depan.

PRESTASI TAHUNAN EKONOMI NEGARA



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

PRESTASI MATA WANG SERANTAU BERBANDING DOLAR AS

